

Lagi kisah pertemuan Pak Lah - Dr. M

Buletin Rakyat - 18/11/2006

BARIKUT ialah transkrip huraian Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai pertemuannya selama dua jam dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Seri Perdana petang Ahad. Juga soal jawabnya dengan wartawan. Beliau memberi sidang akhbar ringkas di rumahnya di The Mines, Seri Kembangan tidak lama selepas kembali dari pertemuan dengan Perdana Menteri.

"Saya berjumpa dengannya selama dua jam dan sebabnya adalah untuk menyatakan segala hal yang menjadi kebimbangan saya dan saya menyatakannya dengan hati yang terbuka."

Seuanya. Dari situ kira-kira 20 minit beliau memberi reaksi, tidak semua, tetapi termasuk penglibatan anaknya dan Khairy dan juga tuduhan saya bahawa kita sudah menjadi sebuah negara polis.

Saya kata setiap kali orang mengundang saya, pihak polis memanggil untuk disoal dan menakutkan orang dan beliau berkata itu tidak benar.

Beliau berkata setiap kali saya buat begini (mengkritik), saya menjadi tidak popular dan beliau juga hilang populariti kerana kritikan saya.

Dan mereka yang untung ialah Anwar Ibrahim dan Hadi (Awang) yang menjadi lebih popular. Lain-lainnya tidak banyak.

Bagi saya, tujuannya ialah untuk menyatakan pandangan saya dan kita tengok nanti sekiranya ada perubahan atau tidak.

Saya menjelaskan tentang jabatan (bengkok), tetapi tidak ada

reaksi dari beliau. Dan lain-lain yang saya bangkitkan tidak disentuh.

Beliau mencatatkannya dalam buku kecil seperti saya lakukan dulu, semua yang saya katakan dan ia (buku itu) tebal. Saya harap lepas ini ada tindakan akan diambil.

Itu saja. Saya tidak dapat nyatakan sama ada saya gembira. Saya gembira kerana saya boleh menyatakan hal ini semua terus kepadanya. Orang kata saya cakap benda-benda ini dari luar tetapi sekarang saya boleh nyatakan kepadanya.

Tetapi saya juga menyatakan secara jelas bahawa saya mahu bebas membuat kritikan saya sekiranya saya dapati apa-apa yang dilakukan tidak baik untuk negara, saya akan terus dengan ... (kritikan).

Saya juga membangkitkan mengenai sekatan bercakap dengan ahli UMNO dan semua itu tidak baik dan tidak betul. Saya kehilangan hak.

Juga mereka menanggukkan pemilihan UMNO. Saya katasekalipun saya pernah menanggukkan pemilihan dulu, itu adalah kerana pemilihan (UMNO) adalah setahun sebelum pilihanraya umum.

Sekarang ini pilihanraya umum tidak akan diadakan dalam masa terdekat. Jadi tidak ada sebab mengapa pemilihan UMNO tidak boleh diadakan.

Bagi saya ia (pertemuan itu) berguna kerana saya dapat menyatakan secara terus terang sama macam saya cakap kepada umum.

Ideanya ialah sekiranya saya

rasa ada yang tidak kena saya akan beritahu beliau. Saya rasa ia tidak *workable* kerana orang akan tahu kenapa saya mempunyai rungutan.

Saya perlu menjelaskan kepada orang ramai kenapa sesetengah benda dibuat tidak betul.

Bagi saya sekiranya beliau tidak nyatakan apa-apa, saya akan terus buat begini, sama ada beliau kata ya atau tidak, saya akan terus kritik sekiranya saya rasa sesuatu itu tidak dibuat dengan cara yang menguntungkan negara.

(Pertemuan itu) hanya kami berdua sahaja.

(Jawab soalan wartawan) .. tidak semua. Beliau hanya menyetujui tentang penglibatan anaknya (dalam perniagaan) dan penglibatan menantunya. Beliau berkata tuduhan itu tidak betul dan beliau hendak tahu dari mereka sendiri sama ada mereka ada melakukannya atau tidak.

Saya (bertemu) bukan untuk bertengkar, saya ke situ untuk bercakap mengenai hal-hal yang saya tidak gembira.

Kita tengoklah apa akan terjadi (nanti). Saya selalu kata sekiranya saya dapati ada yang tidak betul saya akan menggunakan hak saya untuk komen.

Saya juga menekankan ahli UMNO harus ada kebebasan untuk menyuarakan pandangan mereka. Adalah salah untuk menyekat ahli UMNO bercakap menyuarakan pandangan mereka.

Saya menyatakan segalanya termasuk mengenai nama beliau tercatat dalam beberapa buah

syarikat yang mengendalikan soal minyak untuk makanan (dengan Iraq).

Saya membangkitkannya dan beliau menjelaskan beliau hanya tulis surat untuk memperkenalkan suami kepada adik iparnya.

Beliau tidak menjawab banyak kerana ada hanya dua jam. Saya bercakap selama sejam setengah dan tinggal lagi setengah jam. (Seluruh pertemuan) lebih sikit dari dua jam.

Ia berlangsung dalam suasana mesra. OK beliau mendengar. Saya juga menjelaskan mengapa saya tidak gembira mengenai banyak perkara termasuk Proton, AP, Rafidah (Aziz) dan semua itu.

(Menjawab soalan lagi sama ada akan bertemu lagi). Tidak ada sebarang rancangan. Saya tidak menyatakan mengenai pertemuan lanjutan, tetapi beliau berkata adalah baik sekiranya saya datang dan bercakap dengannya.